

**FAKTOR PENENTU TERHADAP REBAKAN
PETEMPATAN SETINGGAN DI SEMPORNA,
SABAH**

ASLINDAH BINTI MOHD MUSI

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SAINS MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
(GEOGRAFI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap daripadanya telah saya nyatakan sumbernya.



10 November 2021


Aslindah binti Mohd Musi (BA19110813)



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : ASLINDAH BINTI MOHD MUSI
NO MATRIK : BA19110813
TAJUK : FAKTOR PENENTU REBAKAN PETEMPATAN SETINGGAN DI
SEMPORNA, SABAH
IJAZAH : IJAZAH SARJANA SAINS MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN (GEOGRAFI)




DISAHKAN OLEH:

Tandatangan



SENARAI KANDUNGAN

	halaman
TAJUK	
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xi
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.6.1 Bidang Kajian	6
1.6.2 Isu Kajian	6
1.6.3 Lokasi Kajian	7
1.6.4 Responden Kajian	7

1.6.5	Tempoh Kajian	7
1.7	Kawasan Kajian	8
1.7.1	Latar Belakang Kawasan Kajian	8
1.7.2	Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian	10
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.8.1	Disiplin Ilmu Geografi Petempatan	10
1.8.2	Kajian Petempatan Setinggan	10
1.8.3	Bahan Literatur	11
9.1	Kesimpulan	11

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Kajian Utama	13
2.2.1	Petempatan	13
2.2.2	Petempatan Setinggan	15
2.3	Definisi Operasional untuk Konsep Kajian Utama	16
2.4	Latar Belakang Teori dan Model dalam Petempatan Settinggan	17
2.5	Latar Belakang dan Perkembangan Petempatan Setinggan	18
2.5.1	Peringkat Antarabangsa	18
2.5.2	Peringkat Kebangsaan	21
2.5.3	Peringkat Tempatan	23
2.6	Sorotan Kajian Lepas berkaitan dengan Petempatan Setinggan	25
2.7	Lompang Kajian	28
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	28

2.9	Kesimpulan	31
-----	------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	32
-----	------------	----

3.2	Pendekatan Kajian	32
-----	-------------------	----

3.2.1	Reka Bentuk Kajian	33
-------	--------------------	----

3.2.2	Kaedah Penyelidikan	35
-------	---------------------	----

i.	Kaedah Penyelidikan Kuantitatif	36
----	---------------------------------	----

ii.	Kaedah penyelidikan Kualitatif	37
-----	--------------------------------	----

3.4	Teknik Pengumpulan Data	38
-----	-------------------------	----

3.4.1	Data Primer	38
-------	-------------	----

i.	Borang Soal Selidik	38
----	---------------------	----

ii.	Temu Bual	39
-----	-----------	----

iii.	Pemerhatian	40
------	-------------	----

iv.	Telefon Pintar	40
-----	----------------	----

v.	Foto	41
----	------	----

3.4.2	Data Sekunder	41
-------	---------------	----

i.	Media Massa (Artikel, Jurnal Dan Laporan)	42
----	---	----

3.4.3	Instrumen Kajian	42
-------	------------------	----

i.	Borang Soal Selidik	42
----	---------------------	----

3.4.4	Populasi Persampelan	43
-------	----------------------	----

3.4.5	Kajian Rintis	44
-------	---------------	----

3.5	Teknik Analisis Dan Persembahan Data	45
-----	--------------------------------------	----

3.5.1	Analisis Data	45
-------	---------------	----

i.	<i>Statistical Package for Social Science (SPSS)</i>	45
----	--	----

3.5.2	Persembahan Data	46
-------	------------------	----

3.6	Kesimpulan	46
-----	------------	----


BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	47
4.2	Profil Demografik Responden	47
4.2.1	Jantina Responden	48
4.2.2	Umur Responden	48
4.2.3	Status Perkahwinan Responden	49
4.2.4	Tahap Pendidikan Responden	50
4.2.5	Pekerjaan Responden	51
4.2.6	Asal Responden	52
4.3	Faktor Yang Menyebabkan Rebakan Petempatan Setinggalan Di Semporna Sabah	53
4.4	Kesan Perebakan Petempatan Setinggalan Terhadap Kehidupan Penduduk Dan Persekitaran Di Semporna, Sabah	56
4.4.1	Tahap Keselesaan Responden Di Petempatan Setinggalan	62
4.5	Cadangan Langkah Mengatasi Rebakan Petempatan Setinggalan Di Semporna, Sabah Agar Tidak Semakin Meluas	65
5.0	Kesimpulan	68

BAB 5 RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1	Pengenalan	69
5.2	Penemuan Kajian	69
5.2.1	Mengenal Pasti Faktor Perebakan Petempatan Setinggalan	69
5.2.2	Menganalisis Kesan Perebakan Setinggalan Terhadap Kehidupan Penduduk Dan Persekitaran	70
5.2.3	Mencadangkan Langkah Untuk Mengatasi Rebakan Petempatan	71

	Setinggalan	
5.3	Implikasi Dasar Dan Cadangan	72
	5.3.1 Memperkasakan Program Penempatan Semula	73
	5.3.2 Menyediakan Lebih Banyak Rumah Kos Rendah Penduduk setinggalan	73
5.4	Sumbangan	74
	5.4.1 Bidang Akademik	74
	5.4.2 Pengurusan Sisa Pepejal Tempatan	74
	5.4.4 Polisi Dan Dasar Kerajaan	75
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	75
	5.5.1 Kajian Terhadap Petempatan	75
	5.5.2 Kajian Isu Pati Mendiami Petempatan Setinggalan	76
5.6	Penutup	76



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana akhirnya saya telah berjaya menyiapkan latihan ilmiah ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Saya mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Ubong Imang kerana telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan kajian latihan ilmiah serta memberikan sokongan moral kepada saya. Segala bimbingan, bantuan dan sokongan daripada beliau telah banyak membantu saya dalam proses menyiapkan latihan ilmiah ini dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu juga, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pensyarah lain program Geografi yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar dalam pelbagai aspek.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang turut memberikan sokongan moral serta nasihat untuk saya sepanjang saya melanjutkan pengajian dan sepanjang saya melakukan kajian latihan ilmiah ini. Terima kasih juga kepada keluarga saya yang turut menyokong dan titipan doa untuk saya berjaya dalam pengajian dan rakan-rakan saya yang banyak membantu dan memberi sokongan antara satu sama lain dalam menyiapkan latihan ilmiah. Penghargaan buat rakan-rakan seperjuangan saya atas nasihat dan sokongan sepanjang melanjutkan pengajian juga sedikit sebanyak memberikan saya kekuatan untuk meneruskan pengajian di Universiti Malaysia Sabah.


Tidak lupa juga, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua informan yang telah saya temu bual kerana sudi meluangkan waktu untuk menjawab persoalan kajian saya ini. Kerjasama yang diberikan, saya berjaya mengutip data dengan lancar serta dapat menyiapkan kajian tersebut. Saya juga merakamkan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang saya menyiapkan kajian latihan ilmiah. Saya harap semoga bantuan, sokongan dalam pelbagai aspek serta nasihat yang diberikan kepada saya akan memperolehi kebaikan oleh Tuhan. Jasa anda semua amat saya hargai. Sekian terima kasih.

ASLINDAH BINTI MOHD MUSI

BA19110813

ABSTRAK

Petempatan setinggan adalah isu yang tidak asing lagi dalam Malaysia dan banyak petempatan setinggan terdapat dalam negara ini sama ada di kawasan luar bandar mahupun di sekitar bandar. Walau bagaimanapun, isu ini masih belum diatasi sepenuhnya untuk membendung rebakan petempatan setinggan dalam negara yang semakin meluas di beberapa kawasan tertentu yang menjadi tumpuan masyarakat setinggan. Justeru, kajian meneliti petempatan setinggan dengan beberapa objektif tertentu iaitu mengenal pasti faktor yang menjadi punca kepada rebakan petempatan setinggan khususnya di daerah Semporna, Sabah serta meneliti cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu berdasarkan isu ini. Kajian ini melibatkan kutipan data melalui kaedah kuantitatif melalui soal selidik beberapa orang responden di kawasan kajian. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kawasan kajian menjadi rebakan petempatan setinggan dan terdapat cabaran yang dapat dikaji dan dilihat berdasarkan hasil objektif pertama kajian ini.



ABSTRACT

DETERMINING FACTORS SPREAD OF SLUM SETTLEMENTS IN SEMPORNA, SABAH

Slum settlements are a familiar issue in Malaysia and there are many slum settlements in the country either in rural areas or around cities. However, this issue has not yet been fully resolved to curb the spread of slum settlements in the country which is expanding in some specific areas that are the focus of the slum community. Thus, the study examines slum settlements with several specific objectives, namely to identify the factors that are the cause of the spread of slum settlements, especially in the Semporna, Sabah, as well as examine the challenges faced by certain parties based on this issue. This study involves data collection through quantitative methods through questionnaires of several respondents in the study area. The results of the study show that there are several factors that cause the study area to become a spread of slum settlements and there are challenges that can be studied and seen based on the results of the first objective of this study.

Senarai Jadual

		Halaman
Jadual 2.1	Definisi Operasional Konsep Utama	26
Jadual 2.2	Jenis-Jenis Petempatan Setinggal	30
Jadual 2.3	Anggaran Penduduk Setinggal Mengikut Negeri Di Malaysia (2000)	32
Jadual 2.4	Kampung Setinggal Di Semporna, Sabah	33
Jadual 3.1	Reka Bentu Kajian	41
Jadual 4.1	Pekerjaan Responden	59
Jadual 4.2	Tempat Asal Responden	60
Jadual 4.3	Faktor Perebakan Petempatan Setinggal Di Semporna, Sabah Mengikut Skala Likert	62
Jadual 4.4	Tafsiran Skor Min	62
Jadual 4.5	Skala Min Bagi Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Rebakan Petempatan Setinggal Di Sekitar Daerah Semporna, Sabah	63
Jadual 4.6	Kesan Perebakan Petempatan Setinggal Terhadap Kehidupan Penduduk Dan Persekitaran Di Semporna, Sabah	67
Jadual 4.7	Tahap Keselesaan Responden Di Petempatan Setinggal	70
Jadual 4.8	Cadangan Langkah Mengatasi Perebakan Petempatan Setinggal Di Semporna, Sabah Agar Tidak Semakin Meluas	74

Senarai Rajah

		Halaman
Rajah 1.1	Peta Kampung Petempatan Setinggal Di Semporna, Sabah	20
Rajah 1.2	Peta Kawasan Kajian	20
Rajah 1.3	Bilangan Penduduk Setinggal Di Serantau Dunia	29
Rajah 1.4	Kerangka Konseptual Kajian	39
Rajah 1.5	Reka Bentuk Kajian	43
Rajah 4.1	Jantina Responden	57
Rajah 4.2	Kategori Umur Responden	57
Rajah 4.3	Status Perkahwinan Responden	58
Rajah 4.4	Tahap Pendidikan Responden	59
Rajah 4.5	Tempat Asal Responden	62
Rajah 4.6	Skala Min Bagi Faktor Perebakan Petempatan Setinggal Di Semporna, Sabah	63

Senarai Foto

		Halaman
Foto 3.1	Borang Soal Selidik (<i>Google Form</i>)	48
Foto 3.2	Set Soalan Temu Bual	49
Foto 4.1	Petempatan Setinggal Di Kampung Air, Semporna	66
Foto 4.2	Kebakaran Rumah Di Kampung Air, Semporna	68
Foto 4.3	Sampah Sarap Di Petempatan Setinggal Di Semporna, Sabah	70
Foto 4.4	Tempat Pembuangan Sampah Di Kampung Air di Semporna, Sabah	72

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bahagian ini menjelaskan pendahuluan untuk kajian faktor penentu dan cabaran terhadap rebakan petempatan setinggan di daerah Semporna, Sabah. Latar belakang kajian ini membincangkan isu petempatan setinggan secara berperingkat iaitu dalam skala global, skala Malaysia dan amnya di kawasan kajian. Seterusnya bahagian permasalahan kajian dan persoalan kajian berdasarkan objektif kajian iaitu faktor dan cabaran isu petempatan setinggan. Skop kajian pula merangkumi aspek bidang kajian, isu kajian, lokasi kajian, responden kajian dan tempoh masa kajian latihan ilmiah dilakukan. Latar belakang kawasan kajian turut diutarakan dalam bab pendahuluan ini dan juga kepentingan kajian serta kesimpulan dijelaskan pada akhir bab.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Petempatan setinggan yang tersebar luas di bandar Afrika, Amerika Latin, dan Asia Selatan dan Tenggara, merupakan ciri-ciri pembandaran kontemporari (Chattaraj, 2020) seperti di Favela, Brazil dan Bustees di Asia Selatan. Menurut Chattaraj (2020), petempatan setinggan tersebut adalah disebabkan petempatan yang tidak dirancang dan biasanya terletak di pinggir atau pinggir tanah mempunyai infrastruktur yang lemah dan perkhidmatan awam yang tidak mencukupi, termasuk air dan kemudahan kesihatan. Penduduk petempatan setinggan secara amnya tidak mempunyai hak yang diiktiraf secara sah ke atas tanah yang mereka duduki. Majoriti penduduk setinggan bekerja dalam ekonomi tidak formal, dalam pekerjaan tidak selamat, bergaji rendah atau bekerja sendiri.

Petempatan setinggan juga terdapat banyak di bandar-bandar Eropah dalam kawasan bandar-bandar yang kecil. Bilangan pendatang yang tinggi telah menyebabkan pertumbuhan bandar-bandar kecil di bandar-bandar yang terletak di

pintu masuk EU seperti Patras dan Athens (Migiro, 2020). Kawasan setinggan di Asia yang terbesar pula ialah Orangi di Pakistan (Migiro, 2020). Menurut Migiro (2020) juga, suku kaum Orangi menjadi terkenal pada tahun 1980-an apabila penduduk tempatan memulakan Projek Perintis Orangi selepas kecewa dengan kekurangan pembangunan daripada kerajaan. Fenomena yang mengubah dunia telah disertai dengan pertumbuhan yang drastik dalam bilangan kawasan setinggan, hampir satu bilion orang hari ini dan jumlahnya meningkat dua kali ganda dalam tiga dekad akan datang (UN-Habitat, 2003).

Penempatan setinggan ditakrifkan sebagai kawasan perumahan rendah, yang telah dibangunkan tanpa hak undang-undang ke atas tanah atau kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan untuk membina, dan akibatnya, status haram, infrastruktur dan perkhidmatan mereka biasanya tidak mencukupi (UN-Habitat 2003). Penduduk setinggan mengalami kekurangan dalam hidup seperti kekurangan air bersih, akses yang tidak mencukupi dalam infrastruktur dan perkhidmatan asas yang lain dan keadaan rumah yang usang. Selain itu, menurut Aldrich dan Sandhu (1995), Petempatan setinggan secara amnya boleh ditakrifkan sebagai kawasan kediaman dalam lokaliti bandar yang didiami oleh golongan sangat miskin yang tidak mempunyai hak milik tanah sendiri dan dengan itu tinggal di atas tanah kosong sama ada swasta atau awam. Petempatan setinggan juga dapat dilihat di bandar seperti Mumbai, Dhaka, Mexico City dan Lagos adalah beberapa contoh di mana pertumbuhan setinggan dan setinggan mengambil masa yang begitu pantas sehingga mereka mencerooboh sebahagian besar kawasan bandar (Areefen dan Mania, 2014).

Merujuk dalam skala dalam negara kita Malaysia, petempatan setinggan juga tidak asing yang sering dilihat sama ada di luar bandar mahupun di kawasan bandar dan ia bukanlah fenomena baharu. Sememangnya sejak awal-awal lagi pendatang telah membina perumahan yang tidak konvensional, selalunya secara haram, di penempatan bandar baru di Semenanjung Malaysia amnya. Pertumbuhan masyarakat Melayu di Kuala Lumpur, termasuk pendatang Indonesia (McGee, 1965). Menjelang tahun 1900-an perumahan tidak konvensional termasuk yang petempatan setinggan menjadi penggunaan tanah yang menonjol di Kuala Lumpur,

dan beberapa bandar lain termasuk Melaka, Kuala Terengganu dan Alor Setar (Johnstone, 1983). Dasar negara di banyak negara, berusaha untuk mengekang petempatan setinggan di kawasan yang tidak sepatutnya kerana membawa kepada impak negatif.

Laporan Berita Harian Online (2016), menyatakan bahawa petempatan setinggan membawa kepada punca masalah tertentu dalam bandar seperti di Kota Kinabalu, Sabah. Laporan tersebut menyatakan petempatan setinggan atas air di sekitar kawasan Kota Kinabalu telah menyebabkan pencemaran alam sekitar disebabkan pembuangan sampah hasil domestik seperti botol mineral, plastik dan bekas makanan yang berpunca dari rumah penduduk. Hal ini sudah pasti menjejaskan kualiti alam sekitar dan imej bandar tersebut dan telah diatasi dengan beberapa langkah oleh pihak berkuasa. Kawasan bandar yang menjadi sumber mencari punca pendapatan menjadikan kawasan ini tumpuan golongan penghijrah. Kegagalan perumahan bandar menampung bilangan penduduk yang semakin bertambah menyebabkan kawasan setinggan tumbuh dengan begitu pesat sekali.

Petempatan setinggan juga difokuskan di sekitar daerah Semporna, Sabah yang menjadi kawasan kajian dan secara pemerhatiannya terdapat begitu banyak kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan penduduk untuk membina petempatan sedemikian. Menurut Ahli Parlimen Semporna iaitu Datuk Panglima Haji Mohd Shafie Apdal dalam berita Borneo Post Online (2018), beliau berkata selama 50 tahun, masalah perumahan serampangan (di kawasan setinggan) tidak dapat diselesaikan dan pada masa ini terdapat 1,000 kawasan setinggan di Sabah, jika tidak diatasi, ia boleh meningkat kepada 50 000. Selain itu, kawasan di daerah Semporna mempunyai 18 jajahan setinggan utama dalam zon penarafan daerahnya dan lebih 100 jajahan kecil bertaburan di luar kawasan itu (Borneo Post Online, 2013).

Penduduk di kawasan petempatan setinggan di Semporna bukan sahaja terdiri daripada warganegara tetapi golongan migrasi dari negara jiran. Menurut, Pegawai Daerah Abdul Mohamed Ibnu Abdul Kadir semasa beliau berkhidmat pada tahun 2013, mengatakan bahawa bancian terbaru yang dijalankan pada 2010 menunjukkan terdapat kira-kira 24,000 orang tinggal di setinggan utama sahaja,

kebanyakannya pendatang asing. Golongan penghijrah untuk menjadikan daerah ini sebagai tempat mencari punca rezeki untuk mereka meneruskan dan memperbaiki taraf hidup. Kawasan yang tersembunyi jauh dari kawasan pekan Semporna menjadi titik permulaan petempatan setinggan dibina sehingga semakin luas yang sukar dibendung dalam kadar segera. Hal ini sudah pasti akan memberikan kesan dan juga cabaran terhadap pihak tertentu terutamanya kepada golongan pihak berkuasa dan masyarakat setempat.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Petempatan setinggan ini bukanlah isu yang baharu dalam Malaysia dan mendapat banyak perhatian daripada pihak berkuasa seperti yang dapat dilihat dalam berita elektronik dan berita melalui media sosial kini. Petempatan setinggan juga tidak asing lagi di sekitar kawasan dalam daerah Semporna, Sabah kerana terdapat rumah yang dibina di kawasan tanah larangan dan perumahan kecil secara berdekatan di kawasan tersembunyi. Isu ini dilihat semakin sukar hendak dibendung disebabkan isu kemiskinan dan kedatangan ramai warganegara asing yang memilih untuk menetap di perumahan setinggan.

Walau bagaimanapun, petempatan setinggan di Semporna, Sabah masih sahaja kelihatan malah semakin bertambah dengan kehadiran golongan migran yang menumpang tinggal di kawasan tersebut. Petempatan setinggan ini membawa kepada masalah tertentu kerana sifat fizikal perumahannya yang berdekatan menyebabkan isu kebakaran rumah setinggan di Semporna, Sabah sering terjadi. Isu kebakaran ini memberi kesan kepada perumahan masyarakat yang lain kesan daripada rebakan api yang sukar dikawal di kawasan perumahan setinggan atas air khususnya. Petempatan setinggan ini secara umumnya menjejaskan imej bandar seperti masalah pembuangan sampah perumahan setinggan atas air dan ini turut menjejaskan kawasan kampung berdekatan kerana sampah yang dibawa arus air laut.

Petempatan setinggan di Semporna, Sabah yang tidak terkawal pembinaannya yang sering menjadi isu tumpuan sejak dahulu lagi akan menggugat

pembangunan bandar kerana menimbulkan pelbagai masalah terhadap perancangan bandar. Bukan itu sahaja, ia memberi kesan negatif dalam aspek sosial kesan daripada penduduk petempatan setinggan yang berpunca daripada segelintir masyarakat setinggan di Semporna, Sabah. Permasalahan kesan daripada petempatan setinggan ini seharusnya dipandang serius kerana memberi banyak kesan kepada pihak tertentu sekiranya petempatan setinggan semakin berleluasa. Oleh itu, kajian terhadap isu ini harus dipertingkatkan agar musabab dan punca kepada isu ini dapat dikenalpasti serta penyelesaiannya dapat dijalankan secara ampuh.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Merujuk kepada permasalahan kajian di atas, kajian dijalankan berdasarkan untuk menjawab beberapa persoalan berikut;

- i. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan rebakan petempatan setinggan di sekitar daerah Semporna, Sabah?
- ii. Apakah kesan perebakan petempatan setinggan terhadap kehidupan penduduk setinggan dan persekitaran di Semporna, Sabah?
- iii. Apakah cadangan langkah yang dapat dilakukan untuk mengatasi rebakan petempatan setinggan di sekitar daerah Semporna, Sabah agar rebakan tidak semakin meluas?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah bermatlamat untuk mengenal pasti faktor-faktor menjadi penyebab dan cabaran yang berlaku disebabkan rebakan petempatan setinggan di beberapa kawasan di daerah Semporna, Sabah. Ia juga mencadangkan beberapa langkah yang sesuai untuk mengatasi rebakan petempatan tersebut agar tidak semakin berleluasa kepada pihak berkuasa serta masyarakat komuniti. Berdasarkan permasalahan dan persoalan kajian, objektif kajian adalah yang berikut;

- i. Menenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan rebakan petempatan setinggan di sekitar daerah Semporna, Sabah.

- ii. Menganalisis kesan perebakan petempatan setinggan terhadap kehidupan penduduk setinggan dan persekitaran di Semporna, Sabah.
- iii. Mencadangkan langkah yang dapat dilakukan untuk mengatasi rebakan petempatan setinggan di sekitar daerah Semporna, Sabah agar rebakan tidak semakin meluas.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah untuk memfokuskan perkara-perkara yang dikaji sahaja dalam beberapa aspek yang dipilih untuk tidak memberikan kekeliruan agar dapatan kajian berdasarkan skop bidang yang dikaji. Skop kajian ini melibatkan bidang kajian, isu kajian, lokasi kajian, responden kajian dan tempoh masa kajian dilaksanakan.

1.6.1 Bidang Kajian

Kajian ini memfokuskan bidang kajian Geografi dalam skop petempatan amnya petempatan setinggan yang memerlukan penyelidik untuk memerhati dan mengutip data daripada responden yang terlibat di kawasan kajian. Hasil pemerhatian dan kutipan data tersebut penting untuk membincangkan dapatan kajian serta menyumbang kepada mengatasi isu ini. Bukan itu sahaja, dapatan kajian yang akan diperolehi juga penting dalam dapatan ilmu pengetahuan yang baharu khususnya kepada penyelidik termasuk pensyarah dan mereka yang merujuk dalam skop petempatan setinggan di lokasi kajian.

1.6.2 Isu Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti beberapa isu iaitu mengenal pasti faktor-faktor rebakan petempatan setinggan di daerah Semporna, Sabah serta meneliti cabaran-cabaran yang berlaku rebakan petempatan setinggan tersebut kepada pihak tertentu sekiranya rebakan tersebut semakin meluas. Hal ini kerana

memberikan cabaran dan kesan dalam aspek tertentu kepada masyarakat setempat dan juga pihak yang berkuasa sekiranya petempatan setinggan ini semakin meningkat. Selain itu, di sini juga penyelidik mencadangkan langkah yang realistik untuk mengatasi rebakan petempatan setinggan di daerah Semporna, Sabah kerana ia memberikan kesan yang negatif sekiranya petempatan setinggan semakin luas.

1.6.3 Lokasi Kajian

Lokasi tumpuan kajian adalah di daerah Semporna, Sabah dengan memfokuskan beberapa kawasan perkampungan yang terdapat petempatan setinggan di sekitar pekan Semporna seperti Kampung Air, Kampung Simunul dan Kampung Bangau-bangau. Daerah Semporna menjadi lokasi kajian kerana banyak kawasan perkampungan yang ditumpang menjadi pembinaan petempatan setinggan oleh penduduk tertentu dan ini menjadi tarikan penyelidik untuk mengkaji isu ini secara lebih khusus. Tambahan pula, penyelidik berasal dari daerah Semporna, Sabah dan ini memudahkan penyelidik untuk melakukan pemerhatian ke lokasi kajian dan dapat mengutip data daripada penduduk yang terlibat.

1.6.4 Responden Kajian

Responden dalam kajian ini adalah dalam kalangan penduduk yang menetap di petempatan setinggan di beberapa kampung terpilih di sekitar daerah Semporna, Sabah. Kaedah kutipan data responden melalui kaedah borang soal selidik kepada beberapa penduduk setinggan di perkampungan terpilih untuk menjawab beberapa pertanyaan dan pernyataan yang berkaitan isu kajian. Di samping itu juga, menemu bual ketua kampung atau Ahli Jawatan Kuasa kampung yang terdapat petempatan setinggan di kampung tersebut untuk menjawab beberapa pertanyaan berdasarkan objektif kajian.

1.6.5 Tempoh Masa Kajian

Kajian ini dijalankan sekitar bulan Februari 2022. Tempoh tersebut adalah untuk melakukan penyelidikan iaitu kaedah pemerhatian dan mengutip data kualitatif daripada responden. Manakala, sorotan kajian lepas yang berkaitan dikutip pada bulan Disember 2021.

1.7 KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian terletak daerah Semporna, Sabah dengan memfokuskan beberapa kawasan perkampungan yang berdekatan dengan pekan Semporna.

1.7.1 Latar Belakang Kajian

Semporna adalah salah satu daerah di Sabah terletak di bahagian pantai timur Sabah dengan keluasannya 1.145 kilometer persegi berdasarkan Perangkaan Sabah 2010 dan mempunyai 137,868 penduduk dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 1.8 peratus sejak sedekad lalu (Banci Penduduk, 2000). Semporna pada asal terdahulunya dikenali sebagai "Tong Talun" dalam bahasa Bajau Semporna bermaksud "hujung hutan" yang diberikan gelaran tersebut oleh pembesar Bajau Kubang, iaitu Panglima Udang, Panglima Sallehangni dan Panglima Sakti (Ismail, 2010). Suku kaum yang majoriti di Semporna, Sabah adalah suku kaum Bajau yang berpopulasi 78,550 orang, iaitu kira-kira 81.7 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk Semporna, Sabah berwarganegara Malaysia (Halina dan Syamsul, 2020). Selain itu, terdapat juga suku kaum dan bangsa yang lain seperti Suluk, Bugis, Cina, Melayu dan bumiputera yang lain.


Lokasi kajian adalah dengan menumpukan beberapa kampung di sekitar kawasan pekan Semporna, Sabah yang mempunyai pembinaan petempatan setinggian seperti di Kampung Simunul, Kampung Bangau-bangau dan Kampung Air yang berdekatan antara satu sama lain. Perkampungan ini terletak di kawasan air yang menyebabkan mereka mudah untuk membina petempatan setinggian atas air

dalam koordinat E118.372596° dan N4.28336°. Perkampungan setingan ini mendapat perhatian daripada pihak berkuasa dalam membendung rebakan petempatan setingan di kawasan tersebut. Menurut Datuk Dr Jaujan Sambakong dalam berita Harian Ekspres (2020), petempatan setingan di Semporna berjumlah 18 buah rumah setingan bersamaan dengan 31,292 orang.



Rajah 1.1 : Peta Kampung Petempatan Setingan

Sumber : Google Earth (2021)



Rajah 1.2 : Peta Kawasan Kajian

Sumber : ArcGIS (2021)

1.7.2 Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian

Kawasan kajian yang dipilih adalah di Semporna, Sabah adalah disebabkan terdapat banyak beberapa kawasan petempatan setinggan di beberapa lokasi perkampungan di daerah tersebut yang sesuai dikaji dalam isu ini. Pemilihan lokasi tersebut dapat menjawab objektif dan persoalan dalam kajian ini. Tambahan pula, petempatan setinggan di b perkampungan di Semporna adalah isu yang dapat dikaji dengan meneliti beberapa faktor penentu yang menyebabkan petempatan setinggan semakin berleluasa. Hal ini juga dilihat telah memberikan beberapa kesan negatif terhadap kehidupan penduduk setempat dan persekitaran.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian secara keseluruhannya dapat menyumbang dalam bidang ilmu Geografi bidang petempatan dan menjadi rujukan dalam konteks petempatan setinggan kepada penyelidikan yang lain iaitu dala sumber bahan literatur. Selain itu, menyumbang kepada dasar dan polisi pihak tertentu amnya pihak kerajaan dalam pengurusan petempatan iaitu mengatasi petempata setinggan yang semakin berleluasa.

1.8.1 Disiplin Ilmu Geografi Petempatan

Kajian ini memberi kepentingan dalam bidang Geografi khususnya dalam skop petempatan merujuk kepada petempatansetinggan yang menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan bidang tersebut. Kajian petempatan setinggan di daerah Semporna, Sabah amnya begitu sukar mencari kajiannya secara atas talian dan tidak begitu banyak laporan kajian yang dipaparkan berkenaan petempatan setinggan di Semporna, Sabah. Oleh sebab itu, kajian ini memberi sumbangan dalam menambah ilmu pengetahuan dalam disiplin ilmu Geografi Petempatan dalam konteks petempatan setinggan.

1.8.2 Kajian Petempatan Setinggalan

Kajian petempatan setinggalan yang dilakukan di lokasi Semporna, Sabah masih agak kurang iaitu dalam mengenal pasti faktor perebakan petempatan setinggalan, kesan petempatan tersebut dan juga langkah dalam mengatasi atau mengawal perebakan petempatan setinggalan dalam kalangan masyarakat Semporna, Sabah. Maka dengan itu, kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam memahami dengan lebih mendalam berkenaan petempatan setinggalan dengan latar belakang daerah Semporna, Sabah yang sudah pasti berbeza dengan keadaan petempatan setinggalan di tempat lain.

1.8.3 Bahan Literatur

Hasil kajian ini juga dapat menyumbang dalam bahan literatur atau dalam sorotan kajian lepas mengenai petempatan setinggalan dengan memberikan hujahan faktor perebakan petempatan setinggalan, kesannya terhadap kehidupan penduduk setempat dan persekitar serta cadangan langkah untuk mengatasi isu tersebut di daerah Semporna, Sabah. Kajian ini juga dapat menjadi rujukan kepada penyelidik mengkaji bidang yang sama di masa hadapan tentang petempatan setinggalan. Bukan itu sahaja, bahan literatur ini juga dapat menjadi sumber bacaan dan meningkatkan lagi kefahaman para pembaca aspek-aspek dalam petempatan setinggalan.

1.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bahagian bab pendahuluan ini memberikan penerangan awal tentang latar belakang kawasan kajian secara umumnya iaitu Semporna, Sabah serta latar belakang aspek kajian berdasarkan objektif kajian. Objektif kajian tersebut berdasarkan persoalan kajian serta permasalahan kajian yang menerangkan isu utama yang hendak dikaji dapat membantu dalam menjawab persoalan kajian agar objektif kajian ini dapat dicapai. Bahagian ini juga telah

menghujahkan skop kajian iaitu merangkumi isu, responden dan tempoh kajian secara terperinci dalam melakukan kajian. Kawasan kajian merangkumi ciri-ciri lokasi geografi dalam aspek fizikal dan manusianya dijelaskan agar dapat difahami oleh pembaca mengenai latar belakang kawasan kajian. Kajian ini turut memberikan kepentingan yang menjadi aspek penting sebagai kesan positif kajian ini dilakukan yang dapat digunakan kelak oleh penyelidik serta menjadi bahan bacaan ataupun rujukan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH